



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 77
No. 47

21hb November 2024

*TAMBAHAN No. 15
PERUNDANGAN*

Pk. P.U. 17.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PASAR
(MAJLIS PERBANDARAN TAIPING) 2024

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Undang-
undang
kecil

1. Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II
PELESENAN

3. Larangan pengoperasian pasar persendirian, gerai atau petak tanpa lesen
4. Permohonan lesen

Undang-
undang
kecil

5. Tempoh lesen
6. Pembaharuan lesen
7. Butiran lesen
8. Lesen pendua
9. Penyerahan lesen
10. Pematuhan syarat lesen
11. Penggantungan lesen
12. Pembatalan lesen
13. Rayuan
14. Mempamer lesen

BAHAGIAN III

KEHENDAK KHAS BAGI LESEN GERAI ATAU PETAK

15. Pemegang lesen hendaklah hadir
16. Pelantikan nomini
17. Gerai atau petak tidak boleh diserahkan, dipajak, disewa atau disewa kecil

BAHAGIAN IV

KEHENDAK KHAS BAGI LESEN PASAR PERSENDIRIAN

18. Kehendak bangunan bagi pasar persendirian
19. Terma dan syarat lesen pasar persendirian
20. Lesen gerai atau petak dalam pasar persendirian

BAHAGIAN V

KEHENDAK KEBERSIHAN DAN KESIHATAN

21. Kehendak bagi penjualan daging dan ikan
22. Bekalan air
23. Kehendak kebersihan

Undang-
undang
kecil

24. Kebersihan kawasan gerai atau petak
25. Pembuangan sampah
26. Pemeriksaan perubatan

BAHAGIAN VI
LARANGAN

27. Larangan penyalahgunaan air
28. Larangan penjualan makanan yang tidak sesuai untuk dimakan oleh manusia
29. Halangan
30. Larangan penggunaan peredup atau ubahsuaian
31. Larangan penggunaan kereta beroda besi
32. Larangan membawa masuk kenderaan ke dalam pasar
33. Larangan menyalakan api
34. Penyalahgunaan gerai atau petak
35. Kacau ganggu
36. Larangan meminta derma, mengemis dan mendedahkan kecacatan
37. Orang yang dilarang bekerja di pasar
38. Mengganggu pemasangan elektrik atau air
39. Pemasangan perkakas atau sambungan elektrik

BAHAGIAN VII
PELBAGAI

40. Peraturan tempat penjualan
41. Waktu operasi pasar awam

BAHAGIAN VIII
LARANGAN

42. Kuasa untuk masuk dan memeriksa

Undang-
undang
kecil

43. Kuasa untuk mengeluarkan orang yang melanggar peraturan dan menamatkan pajakan atau sewaan
44. Kuasa menyita
45. Kuasa menghentikan operasi

BAHAGIAN IX
AM

46. Penalti am
47. Pendakwaan
48. Pengkompaunan kesalahan
49. Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil
50. Pembatalan dan peruntukan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PASAR
(MAJLIS PERBANDARAN TAIPING) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 73(1)(d) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Perbandaran Taiping membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN**Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pasar (Majlis Perbandaran Taiping) 2024**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Taiping.

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh penyarannya dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“fi” ertinya kadar bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Undang-Undang Kecil ini;

“gerai” termasuklah mana-mana gerai berkunci, meja, stor, bangku panjang, bakul, kerusi, kayu kandar, petak peraga dinding, papan tunjuk dari apa-apa jua jenis atau apa-apa lain yang berkaitan dengannya, sama ada mudah alih atau bukan mudah alih dan sama ada beroda atau tidak, atau apa-apa struktur atau premis yang digunakan bagi tujuan perniagaan yang di atasnya atau di dalamnya makanan, minuman atau barang-barang atau perkhidmatan dari apa-apa jenis dijual, atau didedahkan, dipamerkan, diperagakan atau ditawarkan untuk jualan atau diniagakan di mana-mana pasar;

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Taiping;

“nomini” ertinya mana-mana operator, pembantu atau mana-mana orang yang dilantik oleh pemegang lesen;

“pasar” termasuklah pasar awam, pasar persendirian atau apa-apa premis yang digunakan bagi tujuan pasar;

“pasar awam” ertinya sesuatu pasar yang dipunyai, dimiliki oleh pihak Majlis, sama ada secara hakmilikan kekal, pajakan, lesen pendudukan sementara, sewaan, perizaban atau penyerahan hak penyelenggaraan kepada pihak Majlis;

“pasar persendirian” ertinya pasar awam persendirian yang bukan milik Majlis;

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua bagi maksud menjalankan Undang Undang Kecil ini;

“pemegang lesen” ertinya mana-mana orang yang telah diberi lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini;

“petak” ertinya mana-mana ruangan atau kawasan yang ditandakan atau ditetapkan dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen di dalam lingkungan sempadan sesuatu pasar dan digunakan untuk menjual apa-apa barang atau menawarkan apa-apa jenis perkhidmatan;

“Pihak Berkuasa Melesen” ertinya Yang Dipertua atau Setiausaha atau Pegawai Kesihatan Majlis atau mana-mana pegawai diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua; dan

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping.

BAHAGIAN II PELESENAN

Larangan pengoperasian pasar persendirian, gerai atau petak tanpa lesen

3. (1) Tiada seorang pun boleh menubuhkan, mengelolakan atau mengendalikan suatu pasar persendirian, gerai atau petak di sesuatu pasar, dalam kawasan Majlis tanpa suatu lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Tiada seorang pun pemegang lesen boleh membenarkan lesennya digunakan oleh mana-mana orang lain.

(3) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) atau (2) melakukan kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Permohonan lesen

4. (1) Setiap permohonan lesen hendaklah dibuat kepada Pihak Berkuasa Melesen menggunakan borang atau apa-apa cara yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dari semasa ke semasa.

(2) Pemohon hendaklah membuat pembayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama semasa permohonan dikemukakan dan fi pemprosesan tidak akan dikembalikan sama ada permohonan diluluskan atau tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(3) Apabila permohonan itu diluluskan, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah mengeluarkan lesen yang tertakluk kepada—

- (a) pembayaran apa-apa fi lesen yang ditetapkan di dalam Jadual Kedua; dan
- (b) apa-apa syarat atau sekatan yang dinyatakan di dalamnya.

Tempoh lesen

5. (1) Suatu lesen hendaklah berkuat kuasa pada tarikh pembayaran fi lesen kepada Majlis dan hendaklah diperbaharui di dalam tempoh tiga bulan sebelum tarikh luput.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengeluarkan lesen bagi tempoh tidak kurang daripada dua belas bulan dan tidak melebihi tiga puluh enam bulan dari tarikh pembayaran fi lesen.

Pembaharuan lesen

6. (1) Suatu permohonan pembaharuan lesen boleh dibuat kepada Pihak Berkuasa Melesen dengan bayaran fi seperti yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh menghendaki pemohon memberikan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan yang difikirkan perlu semasa permohonan dibuat.

(3) Pihak Berkuasa Melesen boleh membaharui lesen itu atau enggan membaharui lesen itu dan hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis mengenai keputusannya itu.

(4) Pihak Berkuasa Melesen boleh menghendaki pemohon untuk menyelesaikan sebarang bayaran kepada Majlis sebelum meluluskan permohonan tersebut.

(5) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengenakan syarat baharu apabila suatu lesen diperbaharui.

Butiran lesen

7. Setiap lesen hendaklah mengandungi maklumat berkenaan—

- (a) nama, alamat terkini dan nombor kad pengenalan pemegang lesen;
- (b) tempoh lesen;
- (c) jenis lesen;
- (d) jenis barang atau perkhidmatan yang diniagakan; dan
- (e) terma, syarat dan sekatan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Lesen pendua

8. (1) Sekiranya lesen yang dikeluarkan tersebut hilang, rosak atau musnah, Pihak Berkuasa Melesen boleh mengeluarkan pendua kepada lesen tersebut atau mengesahkan lesen pendua tersebut dengan pembayaran caj pentadbiran sebagaimana ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Lesen pendua adalah tidak sah untuk digunakan, kecuali ianya disahkan sewajarnya oleh Pihak Berkuasa Melesen melalui apa-apa cara, catatan atau tandaan secara fizikal ke atas lesen pendua tersebut.

Penyerahan lesen

9. Pemegang lesen atau wakil sahnya hendaklah menyerahkan semula lesennya kepada Pihak Berkuasa Melesen apabila lesen itu tamat tempoh, dibatalkan atau digantung.

Pematuhan syarat lesen

10. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengenakan apa-apa syarat atau sekatan terhadap lesen yang dikeluarkannya sebagaimana difikirkan perlu.

(2) Pemegang lesen hendaklah mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(3) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (2) adalah suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Penggantungan lesen

11. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh pada bila-bila masa, menggantung mana-mana lesen pasar persendirian, gerai atau petak bagi suatu tempoh tidak melebihi enam puluh hari, jika pemegang lesen gagal mematuhi mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau syarat-syarat atau sekatan lesen itu.

(2) Mana-mana orang yang menjalankan atau menguruskan suatu pasar persendirian, gerai atau petak semasa tempoh penggantungan lesen adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Pembatalan lesen

12. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh membatalkan sesuatu lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini setelah berpuas hati bahawa—

(a) pemegang lesen atau melalui nomini, pekerjanya, ejennya, pengkhidmatnya atau pemilik premis itu sendiri melanggar mana-

mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau gagal mematuhi apa-apa terma, syarat atau sekatan lesen atau apa-apa arahan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Melesen secara notis bertulis berkaitan operasi perniagaan yang dilesenkan tersebut, tidak kira sama ada pendakwaan telah dibawa bagi pelanggaran tersebut ataupun tidak;

- (b) pemegang lesen atau melalui nomini, pekerjaanya, ejennya, pengkhidmatnya atau pemilik premis itu sendiri telah, pada bila-bila masa, mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Melesen apa-apa dokumen, maklumat, lakaran atau pengisytiharan yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat berkenaan permohonan sesuatu lesen; atau
- (c) pemegang lesen atau nomini, pekerjaanya, ejen, pengkhidmat atau pemilik premis itu telah disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Pihak Berkuasa Melesen hendaklah, sebelum membatalkan sesuatu lesen, menyampaikan kepada pemegang lesen itu suatu notis bertulis mengenai niatnya untuk berbuat sedemikian dan menghendaki pemegang lesen itu mengemukakan rayuan di bawah undang-undang kecil 13 dengan menyatakan sebab lesen itu tidak patut dibatalkan.

(3) Jika tiada rayuan oleh pemegang lesen atau Pihak Berkuasa Melesen tidak berpuas hati dengan rayuan yang dikemukakan oleh pemegang lesen dan memutuskan untuk membatalkan lesen tersebut, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah dengan serta-merta memaklumkan secara bertulis kepada pemegang lesen mengenai keputusannya itu.

(4) Pembatalan suatu lesen hendaklah mula berkuat kuasa—

- (a) jika tiada rayuan di bawah undang-undang kecil 13, apabila luputnya tempoh tujuh hari dari tarikh notis di bawah perenggan (2) disampaikan kepada pemegang lesen; atau
- (b) jika terdapat rayuan, apabila rayuan tersebut ditolak dan pembatalan itu disahkan oleh Majlis.

(5) Pemegang lesen hendaklah menghentikan apa-apa aktiviti perniagaan yang dahulunya dilesenkan apabila menerima notis di bawah perenggan (3).

(6) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (5), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan didenda tambahan tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

(7) Jika pembatalan suatu lesen di bawah perenggan (4) telah berkuat kuasa, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah dengan seberapa segera yang munasabah—

- (a) menyampaikan suatu salinan notis pembatalan lesen kepada orang yang mengurus dan mengawal premis berlesen tersebut di alamat terakhir yang diketahui oleh Pihak Berkuasa Melesen; atau
- (b) menampal suatu salinan notis pembatalan lesen pada tempat yang mudah dilihat di premis tersebut.

(8) Apa-apa kelewatan atau kegagalan Pihak Berkuasa Melesen menyampaikan atau menampal notis tersebut tidaklah dengan apa jua cara menyentuh keabsahan pembatalan lesen itu.

Rayuan

13. (1) Pemegang lesen yang terkilan dengan keputusan Pihak Berkuasa Melesen terhadap—

- (a) penolakan pembaharuan lesen,
- (b) penggantungan atau pembatalan lesen; atau
- (c) sekatan lesen,

boleh merayu secara bertulis kepada Majlis dalam tempoh tujuh hari dari tarikh notis penolakan, penggantungan, pembatalan atau sekatan lesen itu disampaikan kepada pemegang lesen.

(2) Keputusan Majlis terhadap rayuan di bawah undang-undang kecil ini adalah muktamad.

Mempamer lesen

14. (1) Seseorang pemegang lesen—

- (a) hendaklah pada setiap masa mempamerkan lesennya di bahagian yang mudah dilihat di premisnya dan hendaklah mengemukakannya dengan serta-merta sekiranya dikehendaki berbuat demikian oleh Pihak Berkuasa Melesen atau mana-mana pegawai diberi kuasa; dan
- (b) hendaklah menyimpan lesennya itu sendiri atau di suatu tempat yang mudah dikeluarkan apabila lesen itu diminta oleh Pihak Berkuasa Melesen atau mana-mana pegawai diberi kuasa.

(2) Selain daripada mempamerkan lesen, Pihak Berkuasa Melesen boleh menentukan apa-apa kaedah pembuktian kelulusan lesen yang difikirkannya bersesuaian.

(3) Seseorang pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(4) Bagi maksud undang-undang kecil ini, suatu rujukan kepada lesen hendaklah termasuk suatu salinan yang disahkan oleh Pihak Berkuasa Melesen sebagai salinan benar lesen itu dan hanya boleh dikeluarkan tertakluk kepada bayaran fi yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

BAHAGIAN III

KEHENDAK KHAS BAGI LESEN GERAI ATAU PETAK

Pemegang lesen hendaklah hadir

15. (1) Seseorang pemegang lesen suatu gerai atau petak di mana-mana kawasan pasar—

(a) hendaklah pada setiap masa berada dan menjalankan atau mengawasi penjualan di gerai atau petaknya melainkan jika dia tidak dapat berbuat demikian oleh kerana sesuatu sebab yang munasabah; dan

(b) boleh dengan kebenaran bertulis Pihak Berkuasa Melesen, mengambil kerja seorang nomini yang bertanggungjawab menjalankan atau mengawasi penjualan di gerai atau petaknya.

(2) Seseorang pemegang lesen hendaklah bertanggungjawab ke atas tindakan nomini yang dilantik di bawah subperenggan (1)(b).

Pelantikan nomini

16. (1) Seseorang pemegang lesen gerai atau petak di mana-mana pasar boleh melantik seorang nomini warganegara Malaysia yang diberi kuasa untuk menjalankan atau mengawasi penjualan gerai atau petak itu, yang mana nama dan gambar terkini hendaklah terdapat pada kad lesen atau aplikasi lesen digital yang digunakan.

(2) Pelantikan nomini di bawah perenggan (1) hendaklah bagi suatu tempoh selama tiga bulan tetapi tertakluk kepada tempoh maksimum selama dua belas bulan;

(3) Suatu fi sebanyak lima puluh ringgit hendaklah dibayar oleh pemegang lesen bagi pelantikan nomini seperti yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

Gerai atau petak tidak boleh diserahkan, dipajak, disewa atau disewa kecil

17. Seorang pemegang lesen gerai atau petak tidak boleh menyerahkan hak, memajak, menyewa atau menyewa kecil gerai atau petak tanpa kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Melesen.

BAHAGIAN IV
KEHENDAK KHAS BAGI LESEN PASAR PERSENDIRIAN

Kehendak bangunan bagi pasar persendirian

18. (1) Dinding bagi pasar persendirian hendaklah diperkemas dengan permukaannya yang licin yang boleh dibersihkan dengan mudah dan cepat tanpa apa-apa ceruk atau sudut yang mungkin mengumpul habuk.

(2) Lantai hendaklah diperbuat daripada bahan kalis air dengan dikemas dan dicuramkan dengan licin supaya segala bendalir mudah mengalir ke parit.

(3) Parit hendaklah dibina mengikut syarat yang dinyatakan oleh Pihak Berkuasa Melesen dan cukup bilangannya serta cerunnya supaya dapat mengalirkan keluar segala air dan bendalir lain.

(4) Lantai ditingkat atas hendaklah dibina dengan sempurna seperti yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Terma dan syarat lesen pasar persendirian

19. (1) Dalam hal sesuatu pasar persendirian, Pihak Berkuasa Melesen boleh menetapkan—

- (a) bilangan maksimum gerai, petak atau lot yang boleh didirikan atau diperuntukkan dalam pasar persendirian itu;
- (b) kedudukan dalam kawasan pasar persendirian yang mana gerai atau petak itu boleh didirikan atau ditandakan gerai atau petaknya;
- (c) jenis makanan bermasak atau tidak dimasak, minuman atau barang yang dijual atau yang akan dijual dalam setiap seksyen atau bahagian pasar persendirian; dan
- (d) apa-apa kehendak lain sebagaimana Pihak Berkuasa Melesen fikirkan perlu.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengeluarkan lesen bagi pasar persendirian atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut.

Lesen gerai atau petak dalam pasar persendirian

20. Tiada seorang pun boleh menjual atau menawarkan atau menyimpan untuk dijual haiwan atau daging, ikan, ayam, itik, buah-buahan, sayur-sayuran atau benda makanan lain yang mudah rosak bertujuan untuk makanan manusia atau apa-apa pakaian, dagangan atau barang lain di mana-mana pasar persendirian kecuali dalam gerai atau petak yang telah dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

BAHAGIAN V
KEHENDAK KEBERSIHAN DAN KESIHATAN

Kehendak bagi penjualan daging dan ikan

21. (1) Dalam mana-mana pasar persendirian di mana daging atau ikan dipotong, disiang, dicincang, disimpan, dipamerkan atau ditawarkan untuk dijual, dindingnya hendaklah dibina setinggi 180 sentimeter dari lantai yang kemasannya daripada jubin gilap atau bahan kalis air lain sebagaimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Semua meja, kaunter, bangku panjang atau petak peraga yang digunakan untuk mempamerkan apa-apa daging atau ikan untuk dijual hendaklah diliputi marmar, jubin gilap, keluli berkilat, aluminium, kaca atau mana-mana bahan lain yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(3) Penyangkuk untuk menggantung sebarang daging atau ayam atau ikan yang dipamerkan untuk dijual hendaklah diletakkan sekurang-kurangnya 1 meter daripada beranda atau kaki lima dan hendaklah daripada bahan kalis karat dan hendaklah ditukar apabila Pihak Berkuasa Melesen mengarahkan berbuat demikian.

(4) Peti sejuk, penyejuk beku atau pendingin daripada sesuatu bentuk yang diluluskan hendaklah dipasang jika Pihak Berkuasa Melesen mengarahkan berbuat demikian.

(5) Menyiang dan menyembelih ayam, itik atau burung atau unggas lain tidak boleh dijalankan di mana-mana pasar kecuali di tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan.

(6) Ayam, itik, burung atau unggas hidup lain yang dibawa ke dalam pasar hendaklah disimpan dalam kurungan plastik atau kurungan logam.

Bekalan air

22. Bekalan air bersih hendaklah sentiasa ada di pasar, yang diperolehi daripada bekalan awam atau daripada sumber lain sebagaimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Kehendak kebersihan

23. (1) Pemegang lesen sesuatu pasar persendirian atau sesuatu gerai atau petak di sesebuah pasar hendaklah mematuhi kehendak yang berikut:

- (a) pada bila-bila masa yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Melesen, semua barang mudah alih hendaklah dikeluarkan daripada premis berlesen dan keseluruhan premis itu dibersihkan, dicatkan dan segala pembaikan yang perlu hendaklah dibuat terhadap premis itu;

- (b) semua makanan yang bertujuan untuk dijual hendaklah berada dalam keadaan bersih dan dilindungi dengan berkesannya daripada lalat, vermin, serangga, habuk, kotoran atau benda lain yang merosakkan;
- (c) semua perkakas dan pemasangan yang digunakan di premis itu hendaklah berada dalam keadaan bersih dan bebas daripada apa apa endapan berbahaya atau pencemaran;
- (d) tiada apa-apa barang dari jenis alatan tidur atau pakaian boleh digantung atau disimpan dalam mana-mana bahagian pasar selain sesuatu kawasan yang disediakan khas untuk tujuan itu;
- (e) menyimpan makanan, sama ada bermasak atau tidak bermasak dalam keadaan bersih dan kemas supaya tidak dihindangi lalat, vermin, serangga, kotoran, habuk atau barang lain atau benda yang berbahaya;
- (f) membungkus segala makanan untuk pelanggan dengan kertas atau bahan lain yang bersih dan tidak tercemar dengan apa jua cara;
- (g) menyimpan segala perkakas dan alat yang digunakan semasa perniagaan supaya tidak tercemar dengan apa-apa cara pun, dan
- (h) menyelenggara diri dan pakaian supaya berada dalam keadaan bersih.

(2) Pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil Ini.

Kebersihan kawasan gerai atau petak

24. (1) Pemegang lesen gerai atau petak hendaklah menjaga mana-mana lebu, lorong atau ruang hadapan, belakang atau di tepi gerai atau petaknya dan di kawasan sekitarnya supaya berada dalam keadaan bersih sehingga memuaskan Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Pembuangan sampah

25. (1) Pemegang lesen gerai atau petak hendaklah mengadakan dan menyelenggara secara teratur, bilangan tong sampah yang mencukupi yang bertutup dan kukuh mengikut saiz, bentuk dan bahan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Tiada pemegang lesen gerai atau petak atau mana-mana orang lain boleh meletak atau menyebabkan atau membenarkan apa-apa sampah sarap, kotoran, bahan atau benda lain yang dihasilkan olehnya semasa menjalankan perniagaannya di mana-mana tempat selain tong sampah yang tersebut.

(3) Segala sampah hendaklah dimasukkan ke dalam karung sampah yang diikat dengan sempurna atau bekas lain yang ringan sebagaimana diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen sebelum diletakkan ke dalam tong sampah.

(4) Pemegang lesen gerai atau petak hendaklah memastikan segala sampah yang dihasilkan dalam urusan perniagaannya diletakkan dari semasa ke semasa di tempat yang disediakan untuk tujuan itu.

(5) Tiada pemegang lesen gerai atau petak boleh menyebabkan atau membenarkan dimasukkan, ditumpahkan, ditaburkan atau dibuang apa-apa darah, air garam, cecair buangan atau bahan lain yang busuk ke dalam mana-mana longkang atau ke atas lantai pasar kecuali di tempat yang ditetapkan bagi maksud itu oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(6) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan didenda tambahan tidak melebihi seratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Pemeriksaan perubatan

26. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh pada bila-bila masa mengarahkan mana-mana pemegang lesen, operator, pemborong, pembekal, nomini atau pembantu menjalankan pemeriksaan perubatan.

(2) Pemeriksaan perubatan hendaklah dijalankan oleh seorang pegawai perubatan atau pegawai kesihatan yang dilantik atau ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(3) Jika mana-mana orang yang menjalani suatu pemeriksaan perubatan telah didapati menghidap penyakit berjangkit atau infeksi atau apa-apa penyakit kulit yang berbahaya atau berkemungkinan menjadi punca infeksi, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah dengan serta-merta menghilangkan kelayakan orang itu daripada mengendalikan barang-barang atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti pasar sehingga orang itu telah disahkan sembuh sepenuhnya dan tidak lagi berkemungkinan menjadi punca infeksi.

(4) Pihak Berkuasa Melesen boleh menghendaki serta mengarahkan mana-mana orang yang bekerja di pasar untuk mendapatkan vaksin daripada pengamal perubatan berdaftar.

(5) Mana-mana orang yang—

(a) enggan menjalani pemeriksaan perubatan apabila diarahkan berbuat demikian; atau

- (b) selepas menjalani pemeriksaan perubatan, dihilangkan kelayakan di bawah perenggan (3),

hendaklah dengan serta-merta berhenti daripada bekerja di mana-mana pasar.

(6) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali dan didenda tambahan tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

BAHAGIAN VI LARANGAN

Larangan penyalahgunaan air

27. Tiada seseorang pun boleh menggunakan bekalan air awam di mana-mana pasar awam selain untuk tujuan aktiviti pasar dan hendaklah mematuhi arahan Pihak Berkuasa Melesen.

Larangan penjualan makanan yang tidak sesuai untuk dimakan oleh manusia

28. (1) Tiada seseorang pun boleh mempamerkan atau menjual di mana-mana pasar, apa-apa makanan atau minuman yang melanggar Peraturan Peraturan Makanan 1985 [*P.U. (A) 437/85*].

(2) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa boleh menyita, menyiasat dan memeriksa mana-mana binatang, burung, daging dan ikan yang berpenyakit, buah-buahan, sayur-sayuran atau makanan dan minuman lain yang melanggar mana-mana Peraturan-Peraturan Makanan 1985 [*P.U. (A) 437/85*] atau tidak sesuai untuk dimakan oleh manusia dan boleh memerintahnya dimusnahkan jika difikirkan patut.

Halangan

29. Tiada seorang pun operator gerai atau pemegang lesen gerai atau petak di sesuatu pasar awam boleh—

- (a) meletak, mendirikan atau menempatkan gerai atau petaknya melebihi had yang diperuntukkan baginya dan tiada pelindung panas atau penutup gerai atau petak itu boleh diletakkan kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis dari Pihak Berkuasa Melesen;
- (b) menyebabkan atau membenarkan mana-mana barang, perkakas atau artikel lain, peralatan atau benda yang berkaitan dengan perniagaannya diletak, dipamer atau ditawarkan untuk dijual di atas mana-mana tangga, lorong, laluan atau jalan tembus pasar atau di atas atau merentasi mana-mana parit;

- (c) menyebabkan atau membenarkan perkakas, barang, peralatan atau benda lain yang berkaitan dengan perniagaannya diletak, dipamerkan atau ditawarkan melebihi had gerai atau petak yang diperuntukkan kepadanya;
- (d) menyebabkan sesuatu halangan dalam sesuatu pasar atau di mana-mana jalan, laluan atau hala ke sesuatu pasar dengan apa-apa kenderaan, barang, kotak, bakul, kereta sorong atau benda lain; atau
- (e) mendirikan apa-apa kotak, rak, ruang, loteng atau struktur lain di gerai atau petak yang tingginya melebihi 2.4 meter daripada paras lantai atau timbunan atau susunan barang-barang, kotak, bakul, bungkusan atau benda lain di atas gerai atau petak yang melebihi paras tinggi tersebut,

melainkan jika diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen secara bertulis dengan apa-apa syarat atau caj yang dikenakan.

Larangan penggunaan peredup dan ubahsuaian

30. Tiada seorang pun boleh mendirikan apa-apa peredup atau sekatan atau membuat apa-apa perubahan atau tambahan kepada sesuatu gerai melainkan jika diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen secara bertulis dengan apa-apa syarat atau caj yang dikenakan.

Larangan penggunaan kereta beroda besi

31. Tiada seorang pun boleh menggunakan apa-apa kereta tolak atau troli beroda besi bagi maksud mengangkut barang dalam kawasan pasar awam.

Larangan membawa masuk kenderaan ke dalam pasar

32. Tiada seorang pun boleh memandu apa-apa kenderaan bermotor atau membawa basikal atau basikal roda tiga masuk ke dalam mana-mana pasar bagi maksud mengangkat barang untuk dijual melainkan jika dibenarkan secara bertulis oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Larangan menyalakan api

33. Api tidak boleh dinyalakan dan memasak atau merebus tidak boleh dilakukan di dalam sesuatu pasar, kecuali di suatu tempat yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan.

Penyalahgunaan gerai atau petak

34. Tiada seorang pun boleh duduk, berada, baring atau tidur di mana-mana gerai atau petak dalam sesuatu pasar selepas waktu operasi.

Kacau ganggu

35. Tiada seorang pun boleh dalam sesuatu pasar—

- (a) melakukan kacau ganggu seperti yang ditafsirkan di dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*];
- (b) meludah di atas lantai, gerai, petak atau bahagian lain pasar;
- (c) membuang apa-apa sayur-sayuran, najis binatang, sisa, sampah sarap, atau benda-benda lain yang mengganggu ke atas mana-mana gerai, petak, jalan, laluan, tangga, longkang atau mana-mana bahagian pasar, kecuali ke dalam tong sampah atau bekas sampah; atau
- (d) membela atau membawa masuk anjing atau apa-apa binatang atau dengan sengaja membiarkan anjing atau binatang lain mengekorinya ke dalam pasar.

Larangan meminta derma, mengemis dan mendedahkan kecacatan

36. (1) Tiada seorang pun boleh meminta derma tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Tiada seorang pun boleh mengemis, meminta sedekah atau mempamerkan apa-apa kudis, luka, penyakit atau kecacatan pada tubuh badan di pasar dan Pihak Berkuasa Melesen hendaklah mengusirnya daripada pasar dan orang itu hendaklah tidak terlibat atau membantu dalam perniagaan di dalam sesebuah pasar.

Orang yang dilarang bekerja di pasar

37. Tiada seorang pun yang diketahui menghidap penyakit merebak atau berjangkit atau membawa jangkitan apa-apa penyakit boleh diambil kerja atau terlibat dalam penjualan makanan di dalam mana-mana pasar dan jika orang itu diambil kerja, hendaklah menjalani pemeriksaan perubatan apabila diarahkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

Mengganggu pemasangan elektrik atau air

38. Tiada seorang pun boleh mengubah atau mengganggu sesuatu pemasangan elektrik atau air dalam sesuatu pasar awam.

Pemasangan perkakas atau sambungan elektrik

39. Tiada apa jua perkakas atau sambungan elektrik boleh dipasang atau disambung oleh seseorang pemegang lesen gerai atau petak dalam sesuatu pasar awam tanpa

terlebih dahulu dengan kebenaran Majlis secara bertulis dan pemegang lesen hendaklah menanggung segala kos dan perbelanjaan mengenai penyambungan, pendawaian, kerosakan atau pemasangan itu dan hendaklah membayar segala caj elektrik sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

BAHAGIAN VII PELBAGAI

Peraturan tempat penjualan

40. Majlis di dalam perkara suatu pasar awam dan seseorang pemegang lesen pasar persendirian boleh menyusun bahagian atau pecahan yang berlainan bagi pasar awam atau pasar persendirian, mengikut mana yang berkenaan, untuk jualan berlainan jenis makanan bermasak atau tidak bermasak, minuman, benda atau barang dan tiada seorang pun boleh menawarkan atau menjual apa-apa makanan, minuman, benda atau barang selain di kawasan yang telah ditetapkan untuk menjual makanan, minuman, benda atau barang-barang itu.

Waktu operasi pasar awam

41. (1) Semua pasar awam hendaklah dibuka kepada orang ramai pada setiap hari mengikut waktu yang ditentukan oleh Majlis.

(2) Tiada sesiapa pun boleh berada dalam sesebuah pasar awam di luar waktu operasinya melainkan jika mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis.

BAHAGIAN VIII PENGUATKUASAAN

Kuasa untuk masuk dan memeriksa

42. (1) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa boleh pada setiap masa yang munasabah, dengan tujuan untuk menentukan sama ada syarat atau sekatan sesuatu lesen atau peruntukan Undang-Undang Kecil ini dipatuhi boleh—

- (a) memasuki mana-mana pasar; atau
- (b) menjalankan pemeriksaan, penyiasatan atau apa-apa peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Tiada seorang pun boleh menghalang Pihak Berkuasa Melesen atau mana-mana pegawai diberi kuasa daripada memasuki atau memeriksa mana-mana bahagian pasar pada bila-bila masa.

Kuasa untuk mengeluarkan orang yang melanggar peraturan dan menamatkan pajakan atau sewaan

43. Mana-mana pegawai diberi kuasa boleh mengeluarkan atau menyebabkan dikeluarkan daripada sesuatu pasar awam, mana-mana orang yang telah disabitkan atas sesuatu kesalahan atau kerana mengingkari mana-mana undang-undang kecil berhubungan dengan pasar dan boleh menghalang mana-mana orang sedemikian daripada menjalankan apa-apa urusan perniagaan dalam pasar itu atau menduduki mana-mana gerai, kedai atau tempat lain di dalamnya dan boleh menamatkan apa-apa pajakan atau sewaan atau tempoh pegangan orang itu.

Kuasa menyita

44. (1) Mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menyita atau mengalihkan apa-apa barang atau benda yang menyalahi Undang-Undang Kecil ini dengan risiko ditanggung oleh pemunya.

(2) Sekiranya benda atau barang yang disita di bawah perenggan (1) ini adalah daripada jenis yang mudah rosak atau mengikut sifatnya lekas rosak atau penjagaan benda atau barang itu melibatkan perbelanjaan dan kesusahan yang tidak munasabah, atau dipercayai membahayakan orang ramai, pegawai diberi kuasa boleh mengarahkan supaya benda atau barang itu dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Majlis.

(3) Mana-mana orang yang menuntut apa-apa benda atau barang selain benda atau barang yang dilupuskan di bawah perenggan (2), boleh menuntut benda atau barang tersebut daripada Majlis dalam tempoh tujuh hari dari tarikh benda atau barang itu disita tertakluk kepada apa-apa syarat dan pembayaran yang dikenakan oleh Majlis.

(4) Sekiranya, tiada apa-apa tuntutan dibuat selepas tempoh tujuh hari, Majlis bolehlah melupuskan benda atau barang itu mengikut cara yang ditentukan Majlis dan apa-apa hasil yang diperoleh hendaklah dikreditkan kepada Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Tempatan.

(5) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai diberi kuasa tidaklah bertanggungjawab kepada mana-mana orang bagi apa-apa kemerosotan atau kerosakan, walau apapun sebabnya dalam kualiti atau kuantiti apa-apa benda atau barang yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Kuasa menghentikan operasi

45. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan mana-mana pengurus atau pemilik mana-mana gerai, petak atau pasar persendirian yang beroperasi tanpa lesen atau pemegang lesen mana-mana gerai, petak atau pasar persendirian yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau syarat-syarat yang dikeluarkan oleh Majlis supaya menghentikan operasi gerai, petak atau pasar persendiriannya.

(2) Majlis boleh mengambil apa-apa langkah yang diperlukan termasuk mendapatkan perintah Mahkamah jika perlu, bagi memastikan arahan yang dikeluarkan dipatuhi.

(3) Tiada apa-apa ganti rugi boleh dibuat terhadap Majlis atau mana-mana pegawai diberi kuasa dalam menguatkuasakan undang-undang kecil ini.

BAHAGIAN IX

AM

Penalti am

46. Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan didenda tambahan tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Pendakwaan

47. Tiada pendakwaan boleh dimulakan terhadap kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali oleh atau dengan keizinan Pendakwa Raya.

Pengkompaunan kesalahan

48. (1) Yang Dipertua, Setiausaha, Pegawai Undang-Undang, Penolong Pegawai Undang-Undang Majlis dan mana-mana pegawai diberi kuasa boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat satu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang yang tidak melebihi satu ribu ringgit bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Yang Dipertua, Setiausaha, Pegawai Undang-Undang, Penolong Pegawai Undang-Undang Majlis dan mana-mana pegawai diberi kuasa, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah perenggan (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap

orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.

(4) Kesemua wang yang diterima di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibayar kepada kumpulan wang yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan kerajaan tempatan.

Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil

49. Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Undang-Undang Kecil ini boleh mengurangkan kuasa seseorang pegawai polis untuk menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Pembatalan dan peruntukan peralihan

50. (1) Undang-Undang Kecil Mengawal Pasar Awam dan Pasar Swasta (Majlis Perbandaran Taiping) 1984 [*Pk.P.U.67/1984*] adalah dibatalkan (“Undang-Undang Kecil yang dibatalkan”).

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan hendaklah disifatkan telah dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga di batalkan.

JADUAL PERTAMA

[perenggan 4(2)]

FI PEMROSESAN

Fi pemrosesan lesen : Tidak melebihi RM50.00

JADUAL KEDUA

[subperenggan 4(3)(a)]

FI TAHUNAN LESEN GERAI, PETAK DAN LAIN-LAIN

Jenis Gerai	Barang/Perkhidmatan yang diniagakan	Kadar Fi (RM)
Berkunci/Tidak berkunci	Semua jenis	Tidak melebihi 800.00
Meja pasar	Semua jenis	Tidak melebihi 600.00
Petak/Lain-lain	Semua jenis	Tidak melebihi 500.00

FI TAHUNAN LESEN PASAR PERSENDIRIAN

Keluasan pasar	Kadar Fi (RM)
Keluasan lantai kurang daripada 70 meter persegi	800.00
Keluasan lantai 71 meter persegi sehingga 280 meter persegi	1,000.00
Keluasan lantai melebihi 281 meter persegi	1,500.00

JADUAL KETIGA

[perenggan 16(3)]

PELANTIKAN NOMINI

Fi Nomini : Tidak melebihi RM50.00

Dibuat 21 Oktober 2024
[MPT/UU/7/32; PU.Pk. 23/75 (BHG X)JLD.2]

KHAIRUL AMIR BIN MOHAMAD ZUBIR
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Taiping

Disahkan 25 Oktober 2024
